



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

TEKS UCAPAN ALUAN

**YANG BERTHORMAT DATO' SRI ABDUL RAHMAN BIN
HAJI MOHAMAD
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP**

- 1. KLINIK KESIHATAN (JENIS 7 TERATAI)
KERILLA, MACHANG, KELANTAN**
- 2. KLINIK KESIHATAN (JENIS 7 TERATAI) MATA
AYER, MACHANG, KELANTAN**
- 3. KLINIK KESIHATAN (JENIS 7 TERATAI) PERIA,
KUALA KRAI, KELANTAN**
- 4. KLINIK KESIHATAN (JENIS 7) DENGAN
KUARTERS KARANGAN, KUALA KRAI, KELANTAN**
- 5. KLINIK KESIHATAN (JENIS 7 TERATAI) SOKOR,
TANAH MERAH, KELANTAN**

03 JUN 2023 (SABTU)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih kepada saudara Pengerusi Majlis

YANG BERHORMAT DR ZALIHA BINTI MUSTAFA

Menteri Kesihatan Malaysia

**YANG BERBAHAGIA DATO' ZAINAL ALHAKAB
SEMAN**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Kesihatan Malaysia

**YANG BERUSAHA IR. HAJI BADIOEZAMAN BIN AB.
KHALIK**

Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Awam &
Struktur

Menjalankan tugas

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)

**YANG BERBAHAGIA DATUK DR NORHAYATI BINTI
RUSLI**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

YANG BERUSAHA IR. SHUKRI BIN ISHAK

Yang Menjalankan Tugas Pengarah Cawangan Kerja
Kesihatan, Jabatan Kerja Raya Malaysia

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. ZAINI BIN HUSSIN

Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan

YANG BERUSAHA EN. MOHD RASHIDI BIN YAHAYA

Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan

Bahagian Pembangunan Kementerian Kesihatan
Malaysia

YANG BERUSAHA IR. MOHD SUHAILI BIN ISMAIL

Pengarah Kerja Raya Negeri Kelantan

DATUK AHMAD JAZLAN YAAKUB

Pengerusi FELCRA

**YANG BERUSAHA IR. KHAIRUL NIZAN BIN
KHAIRUDIN**

Pengarah JKR Kesedar Tanah Merah

**Timbalan-Timbalan Pengarah,
Pegawai-Pegawai Kanan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jabatan Kerja Raya Malaysia,
Wakil-wakil Jabatan
Kontraktor Utama**

Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Selamat Sejahtera,

1. Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNYA, kita dapat bersama-sama berkumpul pada hari ini dalam **MAJLIS PENYERAHAN 5 Projek berikut iaitu ;**

- i. **KLINIK KESIHATAN (JENIS 7 TERATAI)
KERILLA, MACHANG, KELANTAN**
- ii. **KLINIK KESIHATAN (JENIS 7 TERATAI)
MATA AYER, MACHANG, KELANTAN**
- iii. **KLINIK KESIHATAN (JENIS 7 TERATAI)
PERIA, KUALA KRAI, KELANTAN**
- iv. **KLINIK KESIHATAN (JENIS 7) DENGAN
KUARTERS KARANGAN, KUALA KRAI,
KELANTAN**
- v. **KLINIK KESIHATAN (JENIS 7 TERATAI)
SOKOR, TANAH MERAH, KELANTAN**

2. Pertama sekali, saya mewakili Kementerian Kerja Raya Malaysia dan Jabatan Kerja Raya Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **YANG BERHORMAT DR ZALIHA BINTI MUSTAFA Menteri Kesihatan Malaysia** dapat meluangkan masa untuk bersama Majlis Penyerahan Projek pada hari ini.

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengalu-alukan kehadiran para jemputan yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kesihatan

Negeri (JKN), Pasukan Projek JKR, pihak Kontraktor yang terlibat dalam menjayakan pelaksanaan projek ini.

Yang Berhormat Menteri,

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia selaku agensi teknikal utama negara telah diberi kepercayaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam melaksanakan projek-projek fasiliti kesihatan sejak dari dahulu lagi di mana proses rekabentuk konsep bangunan telah dimuktamadkan terlebih dahulu bersama pihak pelanggan bagi memastikan projek yang dilaksanakan memenuhi keperluan dan kefungisian.
5. Untuk makluman, **jumlah keseluruhan projek yang dilaksanakan di bawah RMK 11 (Sambungan) dan RMK 12 yang masih aktif oleh JKR adalah 164 projek.** Daripada jumlah tersebut, bilangan projek di Fasa Perancangan berjumlah 46 projek, Fasa Pembinaan 74 dan Fasa Serahan 44.

Untuk negeri Kelantan, bilangan projek adalah berjumlah 27 projek. Di mana 2 projek di peringkat Kerja Awalan, 4 projek di bawah Perancangan, 3 projek di peringkat pembinaan yang dijangka siap dan diserahkan pada tahun ini selain 18 projek yang telah serah.

Yang Berhormat Menteri,

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan puan-puan
sekalian,

- i. **KLINIK KESIHATAN (JENIS 7 TERATAI) KERILLA, MACHANG, KELANTAN** telah diperaku siap pada 13 April 2023 dengan KOS SEMASA RM5,714,217.00 dan dibina oleh kontraktor Utama iaitu BINA CONSO SDN BHD.

- ii. **KLINIK KESIHATAN (JENIS 7 TERATAI) MATA AYER, MACHANG, KELANTAN** telah diperaku siap pada 4 April 2023 dengan KOS SEMASA RM5,344,755.62 dan dibina oleh kontraktor Utama iaitu **HJ. HAMZAH TRADE & CONSTRUCTION(M) SDN BHD.**

- iii. KLINIK KESIHATAN (JENIS 7 TERATAI) PERIA, KUALA KRAI, KELANTAN telah diperaku siap pada 1 April 2023 dengan KOS SEMASA RM6,518,562.79 dan dibina oleh kontraktor Utama iaitu AZMI TRADING.

- iv. KLINIK KESIHATAN (JENIS 7) DENGAN KUARTERS KARANGAN, KUALA KRAI, KELANTAN telah diperaku siap pada 6 April 2023 dengan KOS SEMASA RM5,944,150.50 dan dibina oleh kontraktor Utama iaitu AMZ BERKAT ENGINEERING & CONSTRUCTION SDN. BHD

- v. KLINIK KESIHATAN (JENIS 7 TERATAI) SOKOR, TANAH MERAH, KELANTAN telah diperaku siap pada 6 April 2023 dengan KOS SEMASA RM5,789,379.98 dan dibina oleh kontraktor Utama iaitu RAZMI CONSTRUCTION AND TRADING

Alhamdulillah, projek ini juga telah berjaya disiapkan dan dapat diserahkan secara 3 dalam 1 iaitu;

- Certificate of Practical Completion (CPC),
- Lukisan Terbina dan
- Serahan 33 item

Yang Berhormat Menteri,

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Sepanjang tempoh pelaksanaan projek, pelbagai isu dan cabaran telah dihadapi termasuklah cabaran ketika menghadapi pandemik Covid-19 yang menyebabkan kelancaran perancangan projek terganggu pada sekitar bulan Mac tahun 2020. Walau bagaimanapun, syukur Alhamdulillah projek-projek ini telah berjaya mengharungi cabaran-cabaran tersebut dan dapat disempurnakan dengan kerjasama yang baik dari semua pihak iaitu pasukan kontraktor, pasukan penyeliaan projek dan juga pihak pelanggan.

7. Secara keseluruhannya, pasukan kontraktor dan pasukan penyeliaan projek menunjukkan prestasi yang amat baik dan memberi komitmen yang tinggi bagi penyiapan projek dengan kualiti yang baik.
8. Syabas saya ucapkan kepada pihak Pasukan Penyeliaan Projek dan Kontraktor yang komited dalam mengurus serta menyiapkan projek ini seterusnya berjaya diserahkan.

Yang Berhormat Menteri,

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Pihak JKR secara keseluruhannya sentiasa berusaha agar projek – projek yang dilaksanakan dapat disiapkan dalam tempoh masa, kos dan rekabentuk yang menepati ciri seperti yang diinginkan oleh pihak pelanggan.

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya yakin dengan penyerahan Lima (5) Klinik Kesihatan (Jenis 7) di Negeri Kelantan ini akan memberikan manfaat yang besar kepada penduduk jajahan Machang, Tanah Merah dan Kuala Krai serta sekitarnya selain memberikan keselesaan kepada kakitangan klinik seterusnya memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk masyarakat di negeri Kelantan ini.

11. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada JKR Malaysia, Cawangan Kerja Kesihatan, JKR Negeri Kelantan, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pelaksanaan projek ini. Terima kasih juga atas usaha bersama menjayakan projek ini.

Sekian dan Salam Hormat.

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakahtu.